

RM500,000 bantuan pemulihan

Ringankan beban 62 keluarga mangsa banjir di Melaka

SUFFIAN ABU BAKAR | 16 Disember 2015 12:44 AM

MELAKA 15 Dis. - Kerajaan negeri mengumumkan peruntukan sebanyak RM500,000 sebagai bayaran sagu hati kepada kesemua penduduk mangsa banjir yang kediaman mereka terlibat di beberapa buah kawasan khususnya di daerah Alor Gajah semalam.



IDRIS HARON

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, bantuan tersebut bukan untuk menggantikan kerosakan barangan dan peralatan rumah yang terpaksa ditanggung oleh penduduk tetapi ia lebih kepada bayaran bagi mengubat kekecewaan dan kesedihan yang ditanggung oleh mereka akibat bencana itu.

Katanya, selain bantuan tersebut, kerajaan negeri juga mengarahkan supaya semua keperluan makanan kepada mangsa banjir yang dipindahkan ditingkatkan kepada 130 peratus iaitu mereka boleh mengambil makanan yang disediakan setiap kali diperlukan.

“Kesemua mangsa banjir juga menerima bantuan segera berupa wang tunai RM500 bagi setiap keluarga dan jumlah itu dinaikkan daripada RM200 setiap keluarga sebelum ini.

“Saguhati yang diberikan itu sebagai bantuan untuk mereka membeli keperluan dan bukan untuk ganti kerosakan, jangan salah faham namun kerajaan negeri mendapat maklum balas ramai yang bersyukur dengan wang bantuan segera tersebut,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di Dewan Seri Bendahara di sini hari ini. Idris sebelum itu menyampaikan sumbangan kepada 189 penduduk beragama Kristian di seluruh negeri Melaka sempena sambutan Krismas tidak lama lagi.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Syarikat, Sumber Manusia Dan NGO negeri, Datuk MS Mahadevan; Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan, Pemulihan Projek Dan Perdagangan Antarabangsa negeri, Datuk Lim Ban Hong dan Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Pembangunan Keluarga, Dan Hal Ehwal Kebajikan negeri, Datuk Latipah Omar.

Banjir berikutan hujan lebat melanda beberapa kawasan di Melaka sejak kelmarin dan menurut Idris sehingga pukul 3 petang ini, sebanyak 266 penduduk daripada 62 buah keluarga masih ditempatkan di empat pusat pemindahan iaitu Balai Raya Kampung Panchor, Balai Raya Kampung Beringin, Sekolah Kebangsaan Belimbing Dalam dan Balai Raya Kampung Bukit Balai.

Bagaimanapun kata beliau tiga pusat pemindahan iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan, Dewan Masjid Ar-Rasidin serta Balai Raya Kampung Gadek telah ditutup berikutan paras air semakin surut.

Idris dalam pada itu berkata, kerajaan negeri telah mengarahkan badan kawal selia air di negeri itu termasuk **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri**, Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) dan Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) untuk mengadakan langkah kawalan segera secara bersama bagi memastikan bencana itu dapat diatasi untuk jangka masa pendek dan panjang.

Katanya, badan kawal selia air iaitu JPS negeri mereka diberi peruntukan untuk mengarahkan kontraktor menyediakan beg guni berisi pasir di lokasi tebing sungai yang dikenal pasti menjadi kawasan limpahan air bagi mengelak kejadian banjir daripada berulang.

“SAMB pula akan membuat pemeriksaan ketinggian paras air di semua kawasan terlibat manakala PPSPM diberi tanggungjawab untuk memeriksa masa air surut di Selat Melaka, mereka perlu memaklumkan kepada pengendali bot bahawa air Sungai Melaka perlu dilepaskan untuk memberi laluan kepada pelepasan air sungai yang berada pada tahap bahaya di Sungai Malim.

“Air di Sungai Malim ini menerima air limpahan daripada kawasan simpanan dari Empangan Durian Tunggal,” jelas beliau.

- See more at: <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/melaka/rm500-000-8232-bantuan-pemulihan-1.169326#sthash.0UAQhYE6.dpuf>